



30 Ogos 2023  
30 August 2023  
P.U. (B) 382

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

NOTIS CADANGAN PEMBATALAN  
PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

*NOTICE OF PROPOSED REVOCATION OF  
RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE*

DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

## KANUN TANAH NEGARA

## NOTIS CADANGAN PEMBATALAN PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

BAHAWASANYA, melalui Perizaban Tanah bagi Maksud Awam [*P.U. (B) 357/2010*] yang disiarkan dalam *Warta Persekutuan* pada 12 Ogos 2010, Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah merizabkan Tanah Persekutuan yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu suatu tapak untuk pemasangan bekalan air dan telah menetapkan bahawa Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu:

DAN BAHAWASANYA, didapati suai manfaat sekarang oleh Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur supaya keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu dibatalkan di bawah seksyen 64 Kanun Tanah Negara [*Akta 828*]:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 64(2) Kanun Tanah Negara, sebagaimana yang diubah suai melalui Perintah Wilayah Persekutuan (Penggubahsuaian Kanun Tanah Negara), 1974 [*P.U. (A) 56/1974*] dan diwakilkan oleh Kerajaan Persekutuan melalui Pewakilan Kuasa di bawah Seksyen 13 [*P.U. (B) 108/2003*], Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur memberikan notis mengenai cadangan untuk membatalkan keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu sebagaimana yang diperihalkan dalam Jadual dan siasatan oleh Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur berhubung dengan cadangan pembatalan itu akan diadakan di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Tingkat 2, Rumah Persekutuan, Jalan Sultan Hishamuddin, Kuala Lumpur mulai pukul 9.00 pagi hingga 4.00 petang pada 15 September 2023 dan mana-mana orang yang berhasrat untuk membantah terhadap cadangan pembatalan itu boleh hadir ke siasatan itu.

JADUAL

*Daerah* : Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

*Mukim* : Kuala Lumpur

*No. Pelan* : P.A. 124003

*No. Lot* : 50359

*Luas* : 3532 meter persegi

Bertarikh 16 Ogos 2023

[PTG/WP(S).100-2/17/2/8 Jld 14; PTGKL/11/BPRZ/2023/4(10); PN(PU2)213/JLD. 115]

TAN SRI DATO' SERI MOHD ZUKI BIN ALI

*Pengerusi*

*Jawatankuasa Kerja Tanah*

*Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur*

NATIONAL LAND CODE

NOTICE OF PROPOSED REVOCATION OF RESERVATION OF LAND  
FOR PUBLIC PURPOSE

WHEREAS, by the Reservation of Land for Public Purpose [*P.U. (B) 357/2010*] published in the *Gazette* of the Federation on 12 August 2010, the Land Executive Committee of the Federal Territory of Kuala Lumpur has reserved the Federal Land described in the Schedule for a public purpose of a site for water supply installation and has designated that the State Secretary of Selangor shall have control of the reserved land:

AND WHEREAS, it now appears expedient to the Land Executive Committee of the Federal Territory of Kuala Lumpur that the whole of the aforesaid reservation be revoked under section 64 of the National Land Code [*Act 828*]:

NOW THEREFORE, in exercise of the powers conferred by subsection 64(2) of the National Land Code, as modified by the Federal Territory (Modification of National Land Code) Order, 1974 [*P.U. (A) 56/1974*] and delegated by the Government of the Federation by the Delegation of Powers under Section 13 [*P.U. (B) 108/2003*], the Land Executive Committee of the Federal Territory of Kuala Lumpur gives notice of the proposal to revoke the whole of the aforesaid reservation as described in the Schedule and an enquiry by the Director of Lands and Mines of the Federal Territory of Kuala Lumpur in relation to the proposed revocation will be held at the Office of the Director of Lands and Mines of the Federal Territory of Kuala Lumpur, 2nd Floor, Federal House, Jalan Sultan Hishamuddin, Kuala Lumpur from 9.00 a.m. until 4.00 p.m. on 15 September 2023 and any person who desires to object against the proposed revocation may attend the enquiry.

SCHEDULE

*District* : Federal Territory of Kuala Lumpur

*Mukim* : Kuala Lumpur

*Plan No.* : P.A. 124003

*Lot No.* : 50359

*Area* : 3532 square metres

Dated 16 August 2023

[PTG/WP(S).100-2/17/2/8 Jld 14; PTGKL/11/BPRZ/2023/4(10); PN(PU2)213/JLD. 115]

TAN SRI DATO' SERI MOHD ZUKI BIN ALI

*Chairman*

*Land Executive Committee*

*Federal Territory of Kuala Lumpur*